

Tindakan tidak kira kaum: Dr M

BH 24 JAN 2002

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang terbabit dalam kegiatan pelampau atau keganasan tanpa mengira kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu tidak terhad kepada orang Islam saja malah, semua kaum yang terbabit dalam keganasan atau percubaan membangkitkan perasaan perkauman keterlaluan.

“Kita tidak ada pilih kasih dalam perkara ini. Bu-

kan saja ekstrimis Melayu ataupun Islam, tetapi yang lain juga kalau ekstrim dan cuba memainkan sentimen perkauman, kita tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka,” katanya selepas mempe- ngerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini.

Menjawab soalan mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang menyatak- an orang yang mengundi Pas akan masuk syur-

ga, beliau berkata, tidak ada sesiapa yang boleh mengetahui nasib seseorang selepas mati.

Ditanya sama ada kerajaan Indonesia sudah memohon maaf secara rasmi kepada Malaysia ekoran masalah yang ditimbulkan pekerja negara itu di sini, beliau berkata setahunnya, tidak ada permohonan maaf yang dibuat.

“Datuk Syed Hamid Albar (Menteri Luar) tidak memberitahu apa-apa kepada saya. Jadi, saya membuat andaian kita belum

terima,” katanya.

Mengenai laporan dari Jakarta yang menyebut kerajaan negara itu akan menghantar dua utusan khas bagi membantu menyelesaikan masalah pekerja negara itu yang merusuh di negara ini, beliau berkata, pihaknya tidak mengetahui mengenai perkata itu.

Laporan dari Jakarta memetik Menteri Sumber Manusia Indonesia, Jacob Nuwa Wea sebagai berkata kerajaan Indonesia akan menghantar dua pegawai-

nya untuk membantu menyelesaikan masalah pekerja negara itu yang merusuh di Malaysia.

Jacob berkata, pegawai itu adalah seorang daripada Kementerian Sumber Manusia dan seorang lagi bekas atase buruh.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu menahu jika ada rakyat Singapura yang juga anggota Jemaah Islamiah ditahan ketika kerajaan menahan ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) baru-baru ini.